

NO. SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

SOALAN :

YB. Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sasaran jumlah pelancong yang masuk ke Malaysia pada 2016 dan apakah perancangan Kementerian untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan seterusnya menangkis persepsi bahawa negara ini terus menjadi sasaran pengganas ISIS.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2016, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah menyasarkan seramai 30.5 juta kedatangan pelancong asing ke Malaysia dengan pendapatan sebanyak RM 103 billion.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui agensinya *Tourism Malaysia* sentiasa mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang selamat dan terunggul kepada para pelancong antarabangsa dan tempatan. Antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangkis persepsi negatif tersebut adalah:-

- i. melalui perlaksanaan program *megafam* dengan membawa wakil-wakil media melawat tempat-tempat menarik di Malaysia supaya mereka dapat menyebarkan maklumat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang selamat untuk dilawati;
- ii. melalui *megafam* juga para pengusaha pelancongan antarabangsa dijemput menyertai program-program pelancongan supaya mereka dapat melihat keadaan aman dan sejahtera negara serta semangat kerohanian pelbagai bangsa supaya ia dapat dipromosikan di luar

negara dan menyatakan Malaysia adalah lokasi yang selamat untuk dikunjungi;

- iii. Kementerian juga memantau sebarang nasihat perjalanan tentang keselamatan yang dikeluarkan oleh kementerian luar negara-negara asing yang mempunyai kedutaan di Malaysia tentang keadaan keselamatan negara bagi memastikan ianya tidak menjasaskan aktiviti promosi pelancongan Malaysia; dan
- iv. menerusi program-program promosi anjuran *Tourism Malaysia* yang dapat menemukau pengusaha pelancongan negara dengan pengusaha pelancongan di luar negara bagi menyampaikan keadaan sebenar di tanah air seperti MATKARESA di Finland, SATTE di India, ITB di Jerman, ATM di Dubai, JATA di Jepun dan WTM di UK.

Sekian, terima kasih.